



22 Februari 2022
22 February 2022
P.U. (A) 37

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 3) 2022

FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT) (NO. 3) ORDER 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 3) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Pahang, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 3) 2022**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 28 Februari 2022.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [*P.U. (A) 401/1989*] dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala “**Negeri Pahang Darul Makmur**”—

(a) dengan memasukkan selepas butiran 50 butiran yang berikut:

“51. (*Laluan 422*): *Persiaran Pelabuhan Kuantan*

Bermula dari jalan susur di Lebuhraya Pantai Timur 1 di koordinat U 4.067585, T 103.316536 dan berakhir di persimpangan Laluan 101, Jalan Pintasan Gebeng di koordinat U 4.020254, T 103.365327, U 4.017733, T 103.360459 dan U 4.021163, T 103.36886 di dalam sempadan hak lalu-lalang sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA 31: PERSIARAN PELABUHAN KUANTAN (jarak sepanjang 11.616 km).”; dan

(b) dengan memasukkan selepas PETA 30: JALAN TEMERLOH–KEMAYAN, NEGERI PAHANG peta yang berikut: